



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

JOHOR TUAN RUMAH FESTIVAL HARI MUZIUM ANTARABANGSA PERINGKAT KEBANGSAAN 2026

JOHOR BAHRU, 8 Jun 2026 - Majlis Pra-Pelancaran Festival Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan (FHMAPK) 2026 telah dirasmikan oleh Yang Berusaha Tuan Mohd Masni bin Wakiman, Pegawai Daerah Johor Bahru. Majlis ini telah berlangsung di lokasi Dewan Utama Kompleks Warisan Sultan Abu Bakar.

Festival Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan (FHMAPK) 2026 bakal menyemarakkan lagi landskap pemuziuman negara dengan mengangkat tema “**Muzium Menyatukan Dunia yang Terpisah**”. Tema ini menekankan peranan signifikan muzium sebagai institusi yang mampu menyatukan masyarakat yang dipisahkan oleh sempadan geografi, perbezaan budaya, bahasa dan latar belakang sosial. Muzium bukan sahaja berfungsi sebagai pusat pemeliharaan warisan, malah menjadi ruang dialog, persefahaman dan perpaduan yang merentasi pelbagai komuniti.

Tahun ini merupakan **sambutan kali ke-29** Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan kerjasama Kementerian Perpaduan Negara menerusi Jabatan Muzium Malaysia dengan Kerajaan Negeri Johor menerusi Yayasan Warisan Johor. **Yayasan Warisan Johor telah dipilih sebagai tuan rumah rasmi bagi tahun 2026.** Pemilihan Johor sebagai tuan rumah adalah bertepatan dengan usaha memperkukuhkan lagi peranan negeri tersebut sebagai destinasi utama pelancongan warisan dan budaya, khususnya bersempena dengan **Tahun Melawat Johor 2026** yang dijangka meningkatkan lagi daya tarikan pelancong domestik dan antarabangsa.

Festival ini dijangka menarik kehadiran lebih **125,000 pengunjung** dengan penglibatan **36 institusi dan agensi muzium negeri serta Persekutuan, 12 penyertaan antarabangsa, tujuh festival sampingan** serta penyertaan lebih **1,000 kontinjen** dari seluruh

Malaysia.

Dalam ucapannya, Yang Berusaha Tuan Masni berkata, “Permuafakatan strategik antara Persekutuan dan Negeri ini bukan sahaja akan memeriahkan program, malah menjadi magnet tarikan pelancong bertepatan dengan hasrat **YAB Menteri Besar Johor** yang meletakkan sasaran besar untuk menyambut **12 juta pelancong** ke negeri Johor bersandarkan kepada dua strategi utama: **Menaik taraf infrastruktur pelancongan ke tahap terbaik, dan menggerakkan promosi produk pelancongan secara agresif.**”

Festival Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2026 dijangka menjadi platform utama dalam memperkukuhkan peranan muzium sebagai institusi pendidikan, pemeliharaan warisan dan pembangunan sosial, di samping menyokong usaha menjadikan Johor sebagai destinasi pelancongan budaya dan warisan yang unggul di Malaysia.

Majlis perasmian ini turut dihadiri oleh YBhg. Datuk Kamarul Baharin bin A. Kasim, Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia, Yang Berusaha Encik Nor Syazlan bin Abd Razak, Pengarah Yayasan Warisan Johor, dan Pengarah-Pengarah Muzium Negeri dan Institusi.

Jabatan Muzium Malaysia
Kementerian Perpaduan Negara

8 Jun 2026

JMM.100-9/1/7 (32)